

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

BIL. 3/2020

=====

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI PELAKSANAAN PERMIT
KHAS SEBAGAI KEBENARAN PENGGUNAAN SEMENTARA TANAH
PERTANIAN YANG DIGUNAKAN SELAIN DARIPADA TUJUAN
PERTANIAN (PERNIAGAAN/INDUSTRI RINGAN) DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Pelaksanaan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor (selepas ini dirujuk sebagai "SOP").

2. LATARBELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2019 yang diadakan pada 16 Oktober 2019 dan telah disahkan dalam MMKN ke 31/2019 pada 23 Oktober 2019 serta Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2003 Tatacara Penggunaan Tanah Pertanian Bagi Tujuan Yang Tiada Berkaitan Dengan Pertanian (Disemak 2009).

Fail : ()dIm.PTGS/CR 02/00/2000 Jld.4


2.2 Kesenambungan daripada itu, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor Bilangan 4 Tahun 2020 bertarikh 1 Julai 2020 telah dikeluarkan bagi menguatkuasakan pelaksanaan dasar tersebut.

3. OBJEKTIF

SOP ini diadakan bertujuan untuk menjelaskan tatacara permohonan dan pengeluaran Permit Khas oleh semua PTD di Negeri Selangor.

4. TARIKH KUATKUASA

Arahan ini hendaklah berkuat kuasa serta merta.



(YUSRI BIN ZAKARIAH)s.m.s

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.

Bertarikh : 7 Oktober 2020



**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) BAGI
PELAKSANAAN PERMIT KHAS SEBAGAI
KEBENARAN PENGGUNAAN SEMENTARA TANAH
PERTANIAN YANG DIGUNAKAN SELAIN
DARIPADA TUJUAN PERTANIAN
(PERNIAGAAN/INDUSTRI RINGAN) DI NEGERI
SELANGOR**

PraKata

Pengarah Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor

Assalamualaikum wbr dan salam sejahtera.

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan IZINNya, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) dapat menerbitkan Prosedur Operasi Standard (Sop) Bagi Pelaksanaan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor.

SOP ini diterbitkan diantaranya bertujuan untuk menjelaskan kepada semua pegawai di Pentadbiran Tanah berhubung tatacara dan peraturan yang perlu diikuti dalam pengeluaran permit khas sementara tanah yang digunakan selain daripada tujuan pertanian.

Justeru itu, SOP yang diterbitkan ini diharap dapat membantu penjawat awam di Pentadbiran Tanah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran serta memastikan semua urusan dapat dilaksanakan dengan tepat, cekap, teratur dan berkualiti sejajar dengan slogan PTGS “Perkhidmatan Cemerlang Kualiti Diutamakan”.

Terima kasih.


(YUSRI BIN ZAKARIAH)

Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

ISI KANDUNGAN

PERKARA	M/S
Singkatan	4
Senarai Lampiran	5
Undang-Undang Yang Berkaitan	6
Syarat Permohonan	7
Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Pelaksanaan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor.	8
1. Tujuan	8
2. Latar Belakang	8
3. Objektif	9
4. Skop	9
5. <i>Tatacara Tindakan PDT bagi pengeluaran Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor</i>	9
6. <i>Proses Kerja Permohonan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor</i>	10 - 14
7. Carta Alir Permohonan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor	15
8. Fi Bagi Permohonan Dan Endorsan/Nota Catatan Ke Atas Hakmilik	16
9. Kadar Fi Tahunan	16-17
Lampiran A – F	18 - 31

1. SINGKATAN

KTN	Kanun Tanah Negara, 1965
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PTD	Pentadbir Tanah Daerah
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PUU	Pegawai Undang-Undang
KPPD	Ketua Penolong Pegawai Daerah
PPD	Penolong Pegawai Daerah
PPT	Penolong Pegawai Tanah
PP	Pelukis Pelan
PT	Pembantu Tadbir/kerani
PPTK	Penolong Pegawai Tanah Kanan
DHDK	Dokumen Daftaran Hakmilik Komputer
DHKK	Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer

2. SENARAI LAMPIRAN

Dokumen Kegunaan PDT

- Lampiran A: Senarai Aktiviti Yang Dibenarkan
- Lampiran B: Borang Permohonan Kebenaran Daripada Pihak Berkuasa Negeri Untuk Menggunakan Tanah Pertanian Bagi Tujuan Lain
- Lampiran C: Permit Tanah Pertanian Bagi Kegunaan Selain Daripada Tujuan Pertanian
- Lampiran D: Borang Permohonan Pembaharuan Permit Bagi Menggunakan Tanah Pertanian Selain Daripada Tujuan Pertanian
- Lampiran E: Pembaharuan Permit Tanah Pertanian Bagi Kegunaan Selain Daripada Tujuan Pertanian
- Lampiran F: Laporan Penolong Pegawai Tanah

3. UNDANG-UNDANG YANG BERKAITAN

- 3.1.1 Pemilik tanah pertanian adalah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah seksyen 115, KTN 1965.
- 3.1.2 Kesalahan pelanggaran syarat tanah adalah merupakan kesalahan yang dilakukan oleh pemilik berdaftar tanah ke atas tanahnya yang bertentangan dengan syarat nyata tanah mahupun syarat tersirat atau sekatan kepentingan tanahnya sebagaimana yang dinyatakan di dalam hakmilik berdaftar tanah tersebut.
- 3.1.3 Walaupun tiada peruntukan yang jelas dalam KTN yang membenarkan aktiviti sebegini, namun peruntukan Seksyen 115(4)(f) dan (g) KTN memberikan kelonggaran kepada PBN untuk membenarkan penggunaan tanah pertanian untuk maksud selain daripada pertanian yang boleh dimasukkan ke dalam Kaedah-Kaedah Tanah Negeri dan dalam keadaan-keadaan tertentu yang difikirkan sesuai.
- 3.1.4 Garis Panduan Pengeluaran Permit Khas Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian adalah berpandukan KTN, Kaedah Tanah Selangor (2003) pindaan 2016 (KTS) dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2019 yang diadakan pada 16 Oktober 2019 dan telah disahkan dalam MMKN ke 31/2019 pada 23 Oktober 2019 serta Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2003 Tatacara Penggunaan Tanah Pertanian Bagi Tujuan Yang Tiada Berkaitan Dengan Pertanian (Disemak 2009).

4. SYARAT PERMOHONAN

Permohonan hendaklah disertakan dengan:

- (a) Pelan tapak (*pelan lakaran*);
- (b) Bil elektrik atau bil air semasa;
- (c) Salinan hakmilik;
- (d) Carian rasmi;
- (e) Salinan resit cukai tahunan terkini;
- (f) Fi permohonan sebagaimana yang akan ditetapkan;
- (g) Pemohon perlu mendapat persetujuan bertulis daripada setiap orang/badan yang mempunyai kepentingan berdaftar di atas tanah berkenaan termasuk kesemua pemilik berdaftar tanah bersama yang lain dan diikrarkan dihadapan Pesuruhjaya Sumpah dan penyewa yang dikecualikan daripada pendaftaran;
- (h) Sekiranya permohonan dibuat oleh seseorang yang mempunyai Surat Kuasa Wakil (*Power of Attorney*), salinan Surat Kuasa Wakil perlu disahkan benar oleh Pentadbir Tanah Daerah sahaja; dan
- (i) Pelan lakaran kedudukan tapak bangunan di atas tanah milik yang dipohon.

5. *Prosedur Operasi Standard (SOP) Bagi Pelaksanaan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor.*

5.1. Tujuan

SOP ini menjelaskan kaedah Pelaksanaan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor mengikut peruntukan perundangan yang sedia ada selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 4 Tahun 2020: Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor.

5.2. Latar Belakang

5.2.1 MMKN ke- 30/2019 pada 16 Oktober 2019 yang telah disahkan pada MMKN ke-30/2019 pada 23 Oktober 2019 telah meluluskan dasar baru bagi Pelaksanaan Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor.

5.2.2 Kesenambungan daripada itu, Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 4 Tahun 2020 bertarikh 1 Julai 2020 telah dikeluarkan bagi menguatkuasakan pelaksanaan dasar tersebut.

5.2.3 Pelaksanaan dasar baru ini adalah bagi memberi peluang kepada pemilik tanah berdaftar menjalankan aktiviti selain pertanian di atas 2/5 bahagian daripada keluasan tanah.

5.3. **Objektif**

Menjelaskan tatacara permohonan dan pengeluaran Permit Khas.

5.4. **Skop**

SOP ini merangkumi kaedah yang boleh diguna pakai oleh pegawai yang diberi kuasa dalam melaksanakan proses permohonan Permit Khas.

5.5. **Tatacara Tindakan PDT bagi pengeluaran Permit Khas Sebagai Kebenaran Penggunaan Sementara Tanah Pertanian Yang Digunakan Selain Daripada Tujuan Pertanian (Perniagaan/Industri Ringan) Di Negeri Selangor**

5.1. **Peraturan Pentadbiran**

- a) Semakan ke atas permohonan hendaklah dibuat terlebih dahulu sebelum apa-apa tindakan lanjut dijalankan;
- b) Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mempertimbangkan setiap permohonan yang diterima; dan
- c) Permit Khas hendaklah dikeluarkan dengan kadar segera.

5.6. Proses Kerja

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
1.	Terima Permohonan	<p>1.1 Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan menggunakan borang seperti di Lampiran B;</p> <p>1.2 Satu permohonan bagi satu lot tanah yang dikira berdasarkan luas struktur binaan yang didirikan dan kawasan yang digunakan untuk membolehkan aktiviti tersebut dijalankan.</p> <p>1.3 Mana-mana struktur binaan tidak boleh meliputi lebih daripada dua per lima (2/5) dari keseluruhan keluasan tanah tersebut.</p> <p>1.4 Senarai semak seperti di muka surat 7.</p>	PT/PPT	SELIS, SPHT, SPTB
2.	Semak Permohonan	<p>2.1 Permohonan yang lengkap sahaja boleh diterima dan diproses.</p> <p>2.2 Sekiranya tidak lengkap pulangkan kepada pemohon untuk dilengkapkan;</p> <p>2.3 Pemohon diberikan tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh pemulangan permohonan untuk melengkapkan permohonan.</p>	PT	
3.	Buka fail	PT hendaklah membuka fail baru untuk setiap permohonan.	PT	
4.	Laporan Pelukis Pelan	Laporan Pelukis Pelan hendaklah disediakan oleh Pelukis Pelan dalam tempoh masa lima (5) hari bekerja daripada tarikh permohonan diterima.	PP	
5.	Laporan Tanah	Laporan tanah hendaklah disediakan oleh Penolong Pegawai Tanah dalam tempoh	PPT	


BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		masa empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh permohonan diterima.		
6.	Penyediaan Kertas Ringkasan	Setelah laporan Tanah PPT diperolehi, PT hendaklah menyediakan Kertas Ringkasan untuk pertimbangan Pentadbir Tanah Daerah.	PT	
7.	Pertimbangan Pentadbir Tanah Daerah	Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mempertimbangkan permohonan Permit Khas sama ada diluluskan atau ditolak.	PTD/KPPD/ PPD/PT	
8.	Surat kelulusan kepada pemohon	<p>8.1. Sekiranya permohonan diluluskan. Maklumkan kepada pemohon kelulusan berkenaan dan syarat-syarat yang dikenakan;</p> <p>8.2. Jika pemohon menerima semua syarat-syarat yang telah dinyatakan, pemohon perlulah mengambil tindakan berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> a. Menyerahkan suratan hakmilik asal untuk tujuan endorsan; b. Membuat bayaran premium khas (denda usaha awal) yang telah dinyatakan di dalam surat kelulusan permohonan; dan c. Membuat bayaran endorsan dan bayaran permit khas kepada Pendaftar/Pentadbir Tanah di pejabat tanah yang berkenaan. 		
9.	Keputusan Yang Ditolak	9.1 Sekiranya permohonan ditolak di semua peringkat Pentadbir Tanah Daerah hendaklah mengarahkan pemohon memulihkan tanah mengikut seksyen 128 KTN. Sekiranya pemohon gagal memulihkan	PTD/KPPD/ PPD/PPT	

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>tanah tersebut, Pentadbir Tanah hendaklah meneruskan tindakan penguatkuasaan di bawah seksyen 125-134 KTN;</p> <p>9.2 PTD hendaklah memaklumkan kepada PBT keputusan tolak untuk tindakan penguatkuasaan.</p>		
10.	Penyediaan Permit Khas Tanah	<p>10.1 Permit khas (seperti di Lampiran C) akan dikeluarkan oleh Pentadbir Tanah yang berkenaan untuk tempoh tidak melebihi satu (1) tahun kalender;</p> <p>10.2 Permit khas hanya boleh ditandatangani oleh Pentadbir Tanah Daerah atau Ketua Penolong Pegawai Daerah sahaja;</p> <p>10.3 Dua (2) bulan sebelum tamat tempoh permit, tuan tanah hendaklah membuat permohonan memperbaharui permit melalui borang permohonan memperbaharui permit seperti di Lampiran D;</p> <p>10.4 Tempoh pemegang permit hanya mendapat Permit Khas maksimum empat (4) tahun sahaja. Permohonan pembaharuan Permit Khas hendaklah dipohon setiap empat (4) tahun sekali;</p> <p>10.5 Sekiranya Pentadbir Tanah merasakan wajar Permit Khas diperbaharui maka hendaklah diendoskan Permit Khas yang telah diperbaharui tersebut di dalam permit seperti di dalam Borang Pembaharuan Permit</p>	PTD/KPPD/PPD/PT	

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>Lampiran E;</p> <p>10.6 Selepas pembaharuan Permit Khas kali ketiga (3), tuan tanah atau pihak yang diberikuasa hendaklah membuat permohonan semula kepada Pentadbir Tanah dalam tempoh enam (6) bulan sebelum tamat tempoh permit tersebut.</p>		
12	Pelukis Pelan	Satu catatan hendaklah dibuat di atas pelan.	PP	
13.	Endosan didalam DHDK dan DHKK	<p>13.1 Pentadbir Tanah/Pendaftar Hakmilik hendaklah membuat endorsan/nota catatan ke atas dokumen hakmilik daftar komputer (DHDK) dan dokumen hakmilik daftar keluaran komputer (DHKK) dengan mencatatkan tarikh, masa perserahan, tujuan kegunaan sementara tanah serta tempoh berakhir penggunaan sementara ke atas tanah tersebut. Dokumen hakmilik hendaklah diserahkan oleh tuan tanah bersama resit pembayaran yang perlu sebelum endorsan/nota catatan boleh dibuat;</p> <p>13.2 Setelah endorsan/nota catatan disempurnakan,</p>	Pendaftar	

BIL.	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN	RUJUKAN
		<p>Pentadbir Tanah/Pendaftar Hakmilik hendaklah mengembalikan DHKK kepada pemilik atau mana-mana orang yang daripadanya DHKK itu diperolehi dan penerimaannya hendaklah diperakukan;</p>		
14.	PBT	Maklum keputusan kepada PBT.	KPPD/PPD/ PT	

5.7. Carta Alir



5.8. Fi Bagi Permohonan Dan Endorsan/Nota Catatan Ke Atas Hakmilik

- 5.8.1 Fi bagi setiap permohonan ialah RM100.00;
- 5.8.2 Fi bagi permohonan memperbaharui setiap permit ialah RM50.00;
- 5.8.3 Bayaran pelan 2 keping RM 40
- 5.8.4 Bayaran bagi endorsan/nota catatan ke atas hakmilik untuk tujuan tatacara ini ialah RM100.00;
- 5.8.5 Denda lewat memperbaharui permit ialah RM100.00; dan
- 5.8.6 Bayaran premium khas (denda) usaha awal maksimum 3 tahun.

5.9. Kadar Fi Tahunan

5.9.1 Kadar fi yang dikenakan mengikut kaedah 11C Kaedah Tanah Selangor 2003 pindaan 2020 iaitu mengikut kadar cukai perniagaan/cukai industri ringan.

5.9.2 **Formula fi tahunan** yang perlu dibayar bagi satu permohonan adalah seperti berikut:

$$\text{Fi Tahunan} = \frac{\text{Kadar cukai tahunan (dalam kadar sen)}}{100} \times \text{Keluasan struktur binaan (meter persegi)}$$

Contoh pengiraan bangunan perniagaan di Daerah Petaling dengan jumlah keluasan binaan 400 meter persegi di atas tanah berkeluasan satu (1) ekar:

$$\begin{aligned} \text{Fi Tahunan} &= \frac{309 \text{ sen smp}}{100} \times 400\text{mp} \\ &= \underline{\underline{\text{RM1,236.00}}} \end{aligned}$$

Contoh pengiraan bangunan perniagaan di Daerah Sabak Bernam dengan jumlah keluasan binaan 400 meter persegi di atas tanah berkeluasan satu (1) ekar:

$$\begin{aligned} \text{Fi Tahunan} &= \frac{81.69 \text{ sen smp} \times 400\text{mp}}{100} \\ &= \text{RM } 326.76 \end{aligned}$$

Lampiran A

KATEGORI TANAH HAKMILIK (SYARAT TANAH PERTANIAN) YANG DIGUNAKAN SELAIN PERTANIAN SELARAS DENGAN KAEDAH TANAH SELANGOR 2003 (PINDAAN 2020)

Bil	Kategori Tanah	Aktiviti
1.	Industri Ringan	Tempat Penyimpanan Barang (<i>Stor/Warehouse</i>)
2.	Perniagaan	Menara Telekomunikasi
3.	Perniagaan	Papan Iklan
4.	Perniagaan	Perniagaan kenderaan terpakai
5.	Perniagaan	Tempat letak kereta
6.	Perniagaan	Tapak Ekspo Perdagangan
7.	Perniagaan	Kedai Pakaian/Butik Pengantin
8.	Perniagaan	Kedai perkakasan (<i>Hardware</i>)
9.	Perniagaan	Restauran/Kedai Makan
10.	Perniagaan	Kedai Runcit
11.	Perniagaan	Tempat Cuci Kenderaan (<i>Car Wash</i>)
12.	Perniagaan	Rumah Burung Walet
13.	Perniagaan	Pusat Pameran (<i>Showroom</i>)
14.	Perniagaan	Kolam Pancing
15.	Perniagaan	Bengkel
16.	Perniagaan	Sukan dan Rekreasi

Bil	Kategori Tanah	Aktiviti
17.	Perniagaan	Nurseri/Tapak Semaian
18.	Perniagaan	Kem Pekerja/rumah sewa
19.	Perniagaan	Dewan Perkahwinan
20.	Perniagaan	Pusat Belian Kelapa Sawit
21.	Perniagaan	<i>Homestay</i> /Rumah Tumpangan
22.	Perniagaan	Pusat Latihan
23.	Lain-lain aktiviti yang tidak tersenarai akan dibawa ke MTES.	

LAMPIRAN B

Jadual XXVII

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH-KAEDAH TANAH SELANGOR

(Kaedah 11A)

PERMOHONAN KEBENARAN DARIPADA PIHAK BERKUASA NEGERI UNTUK MENGGUNAKAN TANAH PERTANIAN BAGI TUJUAN LAIN

Nodari 20

Negeri

Daerah

diterima oleh saya padaharibulan, 20 pada pagi/petang.

.....
Pentadbir Tanah

Tarikh

Tuan/Puan,

Saya/Kami ingin membuat permohonan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menggunakan sebahagian tanah saya/kami bagi tujuan.....

2. Bersama-sama ini dilampirkan butiran pelan bagi maksud-maksud tersebut, carian rasmi hakmilik dan fi sebanyak RM..... untuk tindakan tuan selanjutnya.

3. Nama penuh Saya/Kami dalam No. Kad Pengenalan dan alamat ialah :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....
(Tandatangan Pemohon)

.....
(Tandatangan Pemohon)

PERIHAL TANAH

Bandar/Pekan/Mukim :

Perihal Hakmilik :

Kawasan :Kawasan yang dipohon:

Sekatan Kepentingan :

LAMPIRAN C

JADUAL XXVIII
KANUN TANAH NEGARA
(Kaedah 11A)

No. Permit

Daerah

.....

PERMIT TANAH PERTANIAN BAGI KEGUNAAN SELAIN DARIPADA TUJUAN PERTANIAN

Bayaran RM :

No. Resit :

Nama pemegang permit :

Alamat :

No. Kad Pengenalan / No. Syarikat:

Anda adalah dengan ini **dibenarkan** untuk menggunakan tanah sebagaimana yang dinyatakan di bawah untuk tujuan

.....
tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di dalam surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri dan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang.

Bertarikh pada haribulan, 20

.....
Pentadbir Tanah/Pegawai Yang Diberi Kuasa

PERIHAL TANAH

*Bandar/Pekan/Mukim :

Perihal Hakmilik :

Kawasan :Kawasan tanah yang diluluskan :

JADUAL

(1) Permit ini hendaklah **berkuatkuasa** pada.....dan tamat pada.....

(2) Kawasan yang diluluskan **hendaklah tidak** digunakan untuk tujuan selain daripada tujuan untuk.....

(3) Permit ini **tidak boleh digunakan kecuali** dengan izin pemilik permit untuk melantik mana-mana orang/badan/syarikat untuk melaksanakan tujuan permit tersebut.

(4) Permit ini **boleh ditamatkan** diatas sebab pemilik permit telah meninggal dunia, atau pembubaran badan/syarikat, dalam tempoh masa dimana permit tersebut mendapat manfaat.

(5) Permit ini boleh **dibatalkan dengan serta-merta** dan tanpa bayaran pampasan apabila bukti mengenai apa-apa pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang permit ini tertakluk dengan syarat notis yang berkuatkuasa telah disampaikan atau disiarkan oleh daftar AR.

(6).....

.....
.....
.....
.....

(masukkan istilah/syarat tambahan disini)

Saya / Kami dengan ini memahami semua terma dan syarat yang ditetapkan dalam permit ini dan bersetuju untuk mematuhi.

.....
(Tandatangan pemegang permit)

.....
(Tandatangan pemegang permit)

LAMPIRAN D

SCHEDULE XXIX

KANUN TANAH NEGARA

KAEDAH TANAH SELANGOR

(Rule 11A)

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN PERMIT BAGI
MENGUNAKAN TANAH PERTANIAN SELAIN DARIPADA TUJUAN PERTANIAN**

No dari 20 Negeri
Daerah

diterima oleh saya pada haribulan, 20 pada pagi/petang.

.....

Pentadbir Tanah

Tarikh

Tuan/Puan,

Saya/Kami ingin membuat permohonan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menggunakan sebahagian tanah saya/kami bagi tujuan

2. Bersama-sama ini dilampirkan butiran pelan bagi maksud-maksud tersebut, carian rasmi hakmilik dan fi sebanyak RM..... untuk tindakan tuan selanjutnya.

3. Nama penuh Saya/Kami dalam No. Kad Pengenalan dan alamat ialah :

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Alamat :

.....

(Tandatangan pemohon)

.....

(Tandatangan pemohon)

PERIHAL TANAH

Bandar/Pekan/Mukim :

Perihal Hakmilik :

Kawasan :Kawasan yang dipohon:

Sekatan Kepentingan :

LAMPIRAN E

SCHEDULE XXX

**NATIONAL LAND
CODE**

SELANGOR LAND RULE

(Rule 11A)

No. Permit

Daerah

**PEMBAHARUAN PERMIT TANAH PERTANIAN BAGI KEGUNAAN SELAIN DARIPADA
TUJUAN PERTANIAN**

Bayaran RM :

No. Resit :

Nama pemegang permit :

Alamat :

No. Kad Pengenalan / No. Syarikat:

Anda adalah dengan ini **dibenarkan** untuk menggunakan tanah sebagaimana yang dinyatakan di bawah untuk tujuan.....

.....
tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan di dalam surat kebenaran daripada Pihak Berkuasa Negeri dan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Undang-Undang.

Bertarikh pada haribulan, 20

.....
Pentadbir Tanah/Pegawai Yang Diberi Kuasa

PERIHAL TANAH

*Bandar/Pekan/Mukim :

Maklumat Hakmilik :

Kawasan : Kawasan tanah yang diluluskan :

JADUAL

- (1) Permit ini hendaklah **berkuatkuasa** pada.....dan tamat pada.....
- (2) Kawasan yang diluluskan **hendaklah tidak** digunakan untuk tujuan selain daripada tujuan untuk
- (3) Permit ini **tidak boleh digunakan kecuali** dengan izin pemilik permit untuk melantik mana-mana orang/badan/syarikat untuk melaksanakan tujuan permit tersebut.
- (4) Permit ini **boleh ditamatkan** diatas sebab pemilik permit telah meninggal dunia, atau pembubaran badan/syarikat, dalam tempoh masa dimana permit tersebut mendapat manfaat.
- (5) Permit ini boleh **dibatalkan dengan serta-merta** dan tanpa bayaran pampasan apabila bukti mengenai apa-apa pelanggaran mana-mana terma dan syarat yang permit ini tertakluk dengan syarat notis yang berkuatkuasa telah disampaikan atau disiarkan oleh daftar AR.
- (6).....
.....

(masukkan istilah/syarat tambahan disini)

Saya / Kami dengan ini memahami semua terma dan syarat yang ditetapkan dalam permit ini dan bersetuju untuk mematuhi.

.....
(Tandatangan pemegang permit)

.....
(Tandatangan pemegang permit)

LAMPIRAN F

LAPORAN PENOLONG PEGAWAI TANAH

Bil.

(PERMIT KHAS SEBAGAI KEBENARAN PENGGUNAAN SEMENTARA TANAH PERTANIAN YANG DIGUNAKAN SELAIN DARIPADA TUJUAN PERTANIAN (PERNIAGAAN/INDUSTRI RINGAN))

BAHAGIAN A			
NO. FAIL :			
I. LAPORAN TANAH			
(a) No.PT/ Lot :		(b) No Hakmilik:	
(c) Mukim / Pekan / Bandar :		(d) Luas : hektar / ekar / meter persegi	
(e) No. Syit Piawaian :			
II. PERIHAL TANAH			
(a) Tanah yang dimaksudkan seperti bertanda 'merah' dalam pelan dilampiran () adalah :			
(b) Jenis Tanah		Tanah Desa	Tanah Pekan
		Tanah Bandar	Tanah Tepi Pantai
III. KEDUDUKAN TANAH			
a. Lokasi Tanah			
b. Koordinat			
c. Kemasukan Dalam Perizapan Undang-Undang Bertulis Yang Lain			
RIZAB MELAYU		WKN No.	
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		WKN No.	
LAIN-LAIN PERIZAPAN		WKN No.	
BAHAGIAN B			

IV. KEADAAN FIZIKAL TANAH YANG DIPOHON

a. Keadaan semasa tanah

silanya nyatakan :

b. Kemudahan asas yang diperolehi :	Bekalan Air
	Bekalan Elektrik
	Telekomunikasi

V. KEADAAN SEMASA ATAS TANAH YANG DIPOHON

(i) Tempoh diusahakan:

1.	Bilangan Bangunan	
2.	Kegunaan Bangunan	
3.	Ukuran (meter)	
4.	Keadaan Bangunan	
5.	Kemudahan asas yang diperolehi	
6.	Tahun dibina	
7.	Jenis Bangunan	*Sementara / Separuh Kekal / Kekal

VI. PERIHAL TANAH SEKELILING

a. Maklumat atas tanah bersebelahan yang merujuk kepada arah :

Arah	No.Lot / PT	Tanah Kerajaan / Milik (No. Hakmilik)	Aktiviti Atas Tanah
------	-------------	---------------------------------------	---------------------

UTARA			
SELATAN			
TIMUR			
BARAT			

b. Nyatakan keadaan tanah yang bersekitar dengan tanah yang dipohon :

BAHAGIAN C

VIII. PANDANGAN DAN SYOR

ULASAN :

Disediakan oleh :

.....

(Nama :)

(PENOLONG PEGAWAI TANAH)

Tarikh :

**Nota: Sertakan Salinan Carian Rasmi dan Hakmilik*

PELAN TAPAK

GAMBAR BANGUNAN